

100 pilih Malaysia

BH-18/5/2007

Kita tumpuan syarikat ICT multinasional: Najib

Oleh Wan Hazmir Bakar dan Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Malaysia semakin menjadi pilihan syarikat multinasional dunia sebagai pangkalan mewujudkan kemudahan perkhidmatan perkongsian serta penyumberan luar dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sejak projek Koridor Raya Multimedia (MSC Malaysia) dimulakan sedekad lalu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata ketika ini, kira-kira 100 syarikat terkemuka dunia sudah bertapak di MSC Malaysia dan banyak lagi peneraju industri ICT dijangka menyusul.

Katanya, awal tahun ini, syarikat terkemuka seperti Dell Inc dan Satyam Computer Services sudah membuka pusat penghantaran global di sini, manakala Al-Jazeera memilih Kuala Lumpur sebagai salah satu pusat penyiaran serantaunya.

"Sejak pelaksanaannya, kita sudah mencapai banyak kejayaan dalam menarik pelaburan dan mewujudkan jawatan bernilai tinggi. Saya yakin usaha bersepadu kita dalam MSC Malaysia ini akan menyumbang kepada pertumbuhan hebat ekonomi negara," katanya ketika merasmikan sesi pertama Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC Malaysia ke-10 di Pusat Konvensyen Antarabangsa (PICC) di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr

Jamalludin Jarjis dan Ketua Eksekutif Multimedia Development Corporation (MDeC), Datuk Badlisham Ghazali.

Beberapa pemimpin negeri seperti Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo, Menteri Besar Johor, Datuk Seri Ghani Othman dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ali Rustam, turut hadir.

Mesyuarat tiga hari itu yang bertemakan 'Membawa MSC Malaysia Ke Peringkat Global: Membangunkan Prasarana Ilmu & Mencipta Bakat' dihadiri hampir semua anggota semasa IAP, termasuk dua anggota

“ Kita sudah mencapai banyak kejayaan dalam menarik pelaburan dan mewujudkan jawatan bernilai tinggi. Saya yakin usaha ini menyumbang kepada pertumbuhan hebat ekonomi negara”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

baru, Ketua Eksekutif Gonzo Digitization Holding, Shinichiro Ishikawa dan Pengurus Besar Eksekutif, Saluran Kanak-Kanak Al-Jazeera, Mahmoud Bounieb.

Antara mereka ialah Presiden Motorola Asia Pacific, Dr Simon Leung; Ketua Strategi dan Ahli Lembaga, NTT Communications Corporation, Masanobu Suzuki serta Pengerusi dan Ketua Eksekutif Oracle Corporation, Asia Pacific Division, Derek Williams.

Najib yang mempengerusikan sesi pertama mesyuarat semalam berkata, hasilnya akan dikemukakan untuk perbincangan pada mesyuarat utama hari ini yang akan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Dengan bantuan ahli IAP, saya dapat membentangkan hasil mesyuarat hari ini kepada Perdana Menteri esok pagi untuk perbincangan lanjut," katanya.

Sementara itu, Badlisham berkata, ahli panel pada mesyuarat kali ini diminta memberi pandangan dalam enam bidang termasuk pengwujudan sistem pendidikan yang mampu menghasilkan ramai tenaga kerja berkelayakan, berkemahiran dan kreatif bagi memenuhi permintaan sektor ICT.

"Mereka juga boleh memberi cadangan pembentukan rejim harta intelek dan sistem kewangan yang mempromosikan pelaburan dalam bidang berisiko tinggi," katanya dalam kenyataan semalam.